

KEMPEN JomPAY SELURUH NEGARA TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

Terma dan Syarat tambahan ini hendaklah dibaca bersama Terma dan Syarat Promosi yang tersedia di www.jompay.com.my.

1. Definisi

“CIMB”	bermaksud CIMB Bank Berhad (No. Syarikat: 13491-P) dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat: 671380-H).
“Kempen”	bermaksud ‘JomPAY Nationwide Campaign’
“BizChannel@CIMB”	bermaksud perkhidmatan perbankan internet dalam talian yang disediakan oleh CIMB. Termasuk semua pakej transaksi.
“Peserta yang Layak”	bermaksud mana-mana perniagaan yang melakukan transaksi JomPAY semasa Tempoh Promosi melalui BizChannel@CIMB dengan mana-mana Biller JomPAY.
“Penyertaan yang Layak”	bermaksud setiap transaksi JomPAY melayakkan Peserta yang Layak untuk satu (1) penyertaan.
“Minggu Mengambil Bahagian”	bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Klausa 3 di bawah.
“Tempoh Promosi”	promosi akan berlangsung dari jam 00:00 (GMT+8) pada 17hb April 2017 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31hb Julai 2017 (termasuk kedua-dua tarikh).
“Ejen Perkhidmatan”	bermaksud ejen perkhidmatan yang dilantik oleh Bank berkaitan Hadiah dan untuk penghantaran Hadiah.
“Peserta yang Disenarai Pendek”	bermaksud Peserta yang Layak yang disenaraipendekkan untuk memenangi Hadiah oleh CIMB selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di bawah.
“Hadiah Mingguan”	bermaksud setiap pemenang layak memenangi baucar wang tunai bernilai RM50.

2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka untuk semua Peserta yang Layak semasa Tempoh Promosi.

2.2 Peserta yang Layak atau Pemenang Mingguan harus memastikan Akaun beliau di BizChannel@CIMB tidak ditutup, digantung, dibatalkan, ditamatkan atau dorman. Mana-mana Peserta yang Layak atau Pemenang Mingguan yang Akaun BizChannel@CIMBnya telah ditutup, digantung, dibatalkan, ditamatkan atau dorman pada atau sebelum sebarang Hadiah Mingguan diberikan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima sebarang Hadiah Mingguan di bawah Kempen ini.

3. Mekanisme Kempen & Kriteria Penyertaan

3.1 Kategori Mingguan

3.1.1 Kategori Mingguan dibahagikan kepada tempoh mingguan berikut dan hadiah-hadiah berikut akan disediakan kepada pemenang yang dipilih dalam Kempen ini:

KEMPEN JomPAY SELURUH NEGARA TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

Minggu	Tempoh Mingguan	Hadiah Mingguan	Pemenang Mingguan
Minggu 1	17 April 2017 – 23 April 2017	RM50 voucher	20
Minggu 2	24 April 2017 – 30 April 2017	RM50 voucher	20
Minggu 3	01 Mei 2017 – 07 Mei 2017	RM50 voucher	20
Minggu 4	08 Mei 2017 – 14 Mei 2017	RM50 voucher	20
Minggu 5	15 Mei 2017 – 21 Mei 2017	RM50 voucher	20
Minggu 6	22 Mei 2017 – 28 Mei 2017	RM50 voucher	20
Minggu 7	29 Mei 2017 – 04 Jun 2017	RM50 voucher	20
Minggu 8	05 Jun 2017 – 11 Jun 2017	RM50 voucher	20
Minggu 9	12 Jun 2017 – 18 Jun 2017	RM50 voucher	20
Minggu 10	19 Jun 2017 – 25 Jun 2017	RM50 voucher	20
Minggu 11	26 Jun 2017 – 02 Julai 2017	RM50 voucher	20
Minggu 12	03 Julai 2017 – 09 Julai 2017	RM50 voucher	20
Minggu 13	10 Julai 2017 – 16 Julai 2017	RM50 voucher	20
Minggu 14	17 Julai 2017 – 23 Julai 2017	RM50 voucher	20
Minggu 15	24 Julai 2017 – 31 Julai 2017	RM50 voucher	20

3.1.2 Peserta yang Layak boleh mendapat satu Penyertaan yang Layak dengan melakukan transaksi JomPAY dengan apa-apa amaun (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 di bawah) melalui BizChannel@CIMB semasa Tempoh Promosi mengikut Kategori Mingguan seperti yang dinyatakan di atas.

3.1.3 Penyertaan yang Layak yang diperolehi semasa Tempoh Promosi hanya akan diambil kira semasa Tempoh Promosi dan tidak boleh dibawa ke hadapan.

3.1.4 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB sama ada sebarang transaksi tertentu layak sebagai Penyertaan yang Layak dan/atau sebagai Peserta yang Disenarai Pendek adalah muktamad, menyeluruh dan mengikat dan tidak boleh dipertikai dalam apa cara sekalipun.

4. Proses Pemilihan Pemenang dan Terma Hadiah

- 4.1 Kesemua Penyertaan yang Layak akan dikumpulkan pada akhir setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi bagi Hadiah Mingguan. Peserta yang Disenarai Pendek akan ditentukan oleh sistem pemilihan automatik Bank.
- 4.2 Peserta yang Disenarai Pendek yang dipilih sebagai pemenang, mestilah mengesahkan persetujuan mereka untuk menerima Hadiah Mingguan melalui pengesahan bertulis dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh penerimaan e-mel pemberitahuan yang dihantar oleh CIMB, jika gagal, CIMB berhak untuk membatalkan Hadiah Mingguan tersebut.
- 4.3 Setiap Pemenang Mingguan hanya dibenarkan untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Mingguan di bawah Kempen ini.
- 4.4 Peserta yang Disenarai Pendek perlu memastikan bahawa mereka tidak akan melanggar mana-mana undang-undang dan/atau dasar-dasar, khususnya, polisi tiada hadiah dalaman, jika ada, dan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa tuntutan, prosiding, liabiliti, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul akibat tindakan mereka menerima Hadiah Mingguan daripada CIMB.
- 4.5 Pemenang Mingguan akan menerima Hadiah Mingguan melalui alamat surat-menyurat mereka dalam masa 8 hingga 10 minggu selepas tamatnya setiap Minggu Penyertaan.

KEMPEN JomPAY SELURUH NEGARA TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

4.6 Hadiah Mingguan yang dimenangi:

- (a) adalah berdasarkan "sedia ada";
- (b) tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau kredit; dan
- (c) tidak termasuk sebarang aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam risalah atau laman web, kerana ia adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh CIMB adalah adil dan munasabah berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Pemenang, adalah muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Setiap peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan keputusan Bank; dan seterusnya bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan nama, nombor kad pengenalan, alamat e-mel, nombor telefon dan alamat kepada Ejen Perkhidmatan (untuk tujuan penghantaran, penunaian atau penebusan Hadiah), syarikat berkaitan Bank, pihak berkuasa kawal selia dan/atau menurut undang-undang. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk memberi kebenaran dan membenarkan CIMB untuk mengumpul, menggunakan, memproses nama, nombor pengenalan dan data/maklumat lain yang terdiri daripada "data peribadi" seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk tujuan menjalankan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan data peribadi dan/atau gambar pemenang tersebut oleh CIMB untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
3. CIMB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang ia tentukan sebagai telah mengganggu proses penyertaan, atau untuk bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat ini.
4. CIMB berhak untuk menggantikan Hadiah dengan barangan lain yang setara kos dengannya dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi notis empat belas hari kalendar (14) sebelumnya kepada peserta. Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan, CIMB tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana peserta atau mana-mana pihak atas sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk ditanggung (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan sebarang pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB.
5. Dengan menyertai Kempen ini, peserta dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak boleh dalam apa-apa cara jua bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap peserta jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, bencana alam di luar kawalan CIMB atau kerana apa-apa faktor dalam bentuk force majeure yang di luar kawalan munasabah CIMB.
6. CIMB berhak untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, penghapusan, pengubahsuaian, pindaan, atau apa pun sebaliknya) mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada peserta.
7. Pemberitahuan kepada para peserta berkenaan dengan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini atau Pindaan itu boleh dilakukan menurut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB

KEMPEN JomPAY SELURUH NEGARA TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

di www.cimbbank.com.my, www.cimbislamic.com.my atau melalui mel elektronik atau melalui SMS ke nombor telefon bimbit peserta atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan penganjur, pemendakan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen atau Pindaan ini hendaklah disifatkan sebagai menyeluruh dan mengikat para peserta dari tarikh pemberitahuan atau dari tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan tersebut.

8. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersirat mahupun tersurat, bertulis atau lisan, bagi semua Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Semua risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan berkenaan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang Mingguan.
9. CIMB tidak akan memikul apa-apa tanggungjawab bagi Hadiah Mingguan yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Hadiah adalah ditawarkan dan/atau disediakan oleh vendor/pembekal yang berkenaan sahaja, di bawah apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh vendor/pembekal tersebut dan CIMB tidak bertanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkaitan dengan hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini, walaupun CIMB telah dinasihatkan terlebih dahulu berkenaan kemungkinan berlakunya kerosakan yang dimaksudkan, dan semua kerosakan tersebut adalah dikecualikan dengan jelas.
10. Dengan persetujuan atau penerimaan Hadiah, Pemenang bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen-ejen mereka daripada dan terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen-ejen mereka berkaitan dengan penyertaan Pemenang tersebut dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah.
11. CIMB tidak akan melayan apa jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah. Hadiah tidak disahkan oleh CIMB dan tiada keadaan tertentu yang menyatakan bahawa kemasukan mana-mana Hadiah dalam Kempen ini ditafsirkan sebagai pengesahan atau pengesyoran Hadiah oleh CIMB. Jika mana-mana Pemenang tidak berpuas hati dengan mana-mana Hadiah, Pemenang tersebut hendaklah mendapatkan bantuan secara langsung daripada vendor/pembekal yang berkenaan.
12. CIMB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Apa-apa obligasi pemfailan cukai atau apa-apa bayaran cukai kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah adalah tanggungjawab Pemenang. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi yang mungkin timbul terhadap situasi kewangan beliau.
13. CIMB berhak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB bebas untuk menerbitkan nama, gambar dan bandar kediaman beliau tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
14. Kemasukan dan penyertaan dalam Kempen ini hendaklah dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat Terma dan Syarat ini oleh Peserta.
15. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pihak Bank di **mybusinesscare@cimb.com** atau pusat panggilan **1300-888-828**.

KEMPEN JomPAY SELURUH NEGARA TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

16. Semua aduan oleh Peserta yang Layak berkaitan Kempen boleh dialamatkan kepada:-

*Customer Resolution Department (CRU)
19th Floor, Menara Bumiputra Commerce
11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel:1300-880-900
Email:CRU@cimb.com*

Bank hendaklah menghubungi semula Peserta yang Layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan aduan atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang Bank boleh memaklumkan kepada peserta. Sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi semula dalam tempoh 14 hari, Bank akan memaklumkan kepada peserta secara bertulis mengenai keperluan lanjutan masa untuk memberi jawapan. Peserta yang Layak boleh merayu kepada pihak pengurusan kanan Bank atau kepada Ombudsman Kewangan /Biro Pengantaraan Kewangan, yang mana berkaitan, jika peserta tidak berpuas hati dengan keputusan aduan.

17. Terma dan Syarat Tambahan serta Terma dan Syarat Promosi ini akan mengikat semua Peserta yang Layak yang mengambil bahagian dalam Promosi ini. Definisi di dalam Terma dan Syarat Promosi terpakai melainkan jika dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat Tambahan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat Tambahan dengan Terma dan Syarat Promosi, Terma dan Syarat Promosi akan diutamakan setakat ketidakselarasan tersebut. Kemasukan dan penyertaan dalam Promosi ini adalah dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat Terma dan Syarat Promosi serta Terma dan Syarat Tambahan oleh Peserta yang Layak.